

|            |   |             |                     |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline   | Negeri Sembilan terajui penggunaan tenaga solar |             |                     |
| MediaTitle | Berita Harian                                   |             |                     |
| Date       | 28 Jan 2014                                     | Color       | Full Color          |
| Section    | Nasional  | Circulation | 138,805             |
| Page No    | 24  | Readership  | 1,048,000           |
| Language   | Malay   | ArticleSize | 218 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A   | AdValue     | RM 7,352            |
| Frequency  | Daily   | PR Value    | RM 22,056           |



# Negeri Sembilan terajui penggunaan tenaga solar

**Seremban:** Negeri ini bakal menjadi peneraju penggunaan teknologi hijau apabila Taman Tenaga Boleh Diperbaharui ketiga mula beroperasi di Kuala Sawah dekat sini.

Taman yang dibina oleh Cypark Resources Berhad (Cypark) selepas dilaksanakan di Pajam, Nilai dan Bukit Palong, Port Dickson, mampu menghasilkan tenaga elektrik sebanyak lapan megawatt (Mw) untuk dibekalkan ke 7,000 rumah sekitar kawasan itu.

Pengerusi Eksekutif Cypark, Tan Sri Razali Ismail, berkata syarikat melabur RM65 juta di taman seluas 10 hektar itu yang sebelum ini ialah tapak pelupusan sampah.

Katanya, tenaga elektrik yang dijana dari tapak itu disam-

bungkan ke grid Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan seterusnya dijual menerusi mekanisme Tarif Galakan.

"Pembinaan taman ketiga di negeri dan kelima di seluruh negara, mampu mewujudkan masa depan lebih mapan dan pada masa sama mengorak langkah ke arah ekonomi hijau.

"Cypark akan terus mempelbagaikan inisiatif penggunaan tenaga boleh diperbaharui, termasuk mengutamakan peran-

cangan menggunakan tanah terbiar," katanya pada majlis pelancaran Taman Tenaga Boleh Diperbaharui (Solar) Kuala Sawah di sini, semalam.

Majlis disempurnakan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan. Turut hadir Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Dr Awaludin Said dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mat Ali Hassan.

## Cypark terus melabur

Razali berkata, Cypark akan terus membuat pelaburan untuk projek tenaga hijau di negeri ini dalam tempoh tiga tahun akan datang sebanyak RM350 juta, iaitu dua kali ganda daripada jumlah yang telah dilaburkan, iaitu RM193 juta.

Sementara itu, Mohamad berharap Cypark akan membina lebih banyak taman tenaga boleh diperbaharui di negeri ini untuk merealisasikan hasrat menjadi negeri pertama menggunakan teknologi hijau sepenuhnya.

Beliau turut mencadangkan syarikat itu mengkaji pembinaan lebih banyak panel solar bagi menghasilkan tenaga boleh diperbaharui di lima empangan negeri ini.

|            |   |             |                     |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline   | Negeri Sembilan terajui penggunaan tenaga solar |             |                     |
| MediaTitle | Berita Harian                                   |             |                     |
| Date       | 28 Jan 2014                                     | Color       | Full Color          |
| Section    | Nasional  | Circulation | 138,805             |
| Page No    | 24  | Readership  | 1,048,000           |
| Language   | Malay   | ArticleSize | 218 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A   | AdValue     | RM 7,352            |
| Frequency  | Daily   | PR Value    | RM 22,056           |



Mohamad mendengar taklimat mengenai **Taman Tenaga Boleh Diperbaharui** daripada Pengurus Besar Cypark Resources Berhad, Achmat Nadhrain (dua dari kiri) di Seremban.